

Belanjawan 2013 Pulau Pinang Diunjur Alami Defisit RM262.04 Juta
Bernama
02 November, 2012

GEORGE TOWN, 2 Nov (Bernama) -- Kerajaan Negeri Pulau Pinang pada Jumaat membentangkan Belanjawan 2013 dengan unjuran mengalami defisit sebanyak RM262.04 juta.

Ketua Menteri Lim Guan Eng berkata defisit itu adalah RM48.33 juta lebih besar daripada anggaran defisit tahun lepas iaitu RM213.71 juta.

Defisit itu mengambil kira jangkaan hasil tahun 2013 sejumlah RM708.52 juta berbanding perbelanjaan mengurus sebanyak RM970.56 juta, katanya semasa membentangkan Belanjawan 2013 itu pada persidangan Dewan Undangan Negeri di sini.

"Anggaran defisit atau kekurangan RM262.04 juta itu dijangka dapat dibiayai daripada simpanan terkumpul negeri yang berbaki sebanyak RM710.81 juta pada akhir 2011," katanya.

Belanjawan Pulau Pinang 2013 berjumlah RM970.56 juta itu bertema Agenda Ekonomi Saksama yang bermatlamat mensejahterakan kebajikan rakyat serta membasmi kemiskinan.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=706576>